

# Taman Laut cecah usia 25 tahun

Sinar Harian 22/7/2019 m/s 6

## Sambutan Jubli Perak di Pulau Tioman capai matlamat

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN & AIMAN SADIQ ABDULLAH

### PULAU TIOMAN

Taman Laut yang dibangunkan sebagai salah satu usaha dalam mengurus sumber marin yang lebih sistematik bagi mengekalkan kelangsungan khazanah laut negara kini mencecah usia 25 tahun.

Taman Laut yang diwujudkan hasil idea Perdana Menteri ke-4, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1994 kini merangkumi 42 pulau yang diwartakan di lima negeri termasuk Pahang, Terengganu, Johor, Kedah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sambutan Jubli Perak 25 tahun Taman Laut diadakan sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini Sabtu lalu.

Majlis disempurnakan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan.

Hadir sama, Timbalannya, Dr Zunika Mohamed dan Datuk Salim Parlan; Ketua Pengarah Perikanan,

Datuk Munir Mohd Nawi; Pegawai Daerah Rompin, Datuk Mohd Zulkifly Hashim; Ketua Pengarah Lemba Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jamaludin Othman dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah LKIM (Pembangunan), Untung Keri dan Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LKIM, Raja Kahalid Raja Ariffin.

Mohd Sallehhuddin dalam ucapan perasmianya berkata, taman laut yang kini diletakkan di bawah Jabatan Perikanan berperanan bagi memastikan perairan yang diwartakan sentiasa dikawal selia dan dilindungi bagi meningkatkan sumber perikanan, memelihara dan melindungi ekosistem laut.

Menurutnya, ia berikutan kesedaran terhadap perlakunya penyusutan sumber perikanan akibat ancaman semulajadi dan kegiatan manusia di kawasan terumbu karang yang menjadi habitat hidupan marin.

"Model pengurusan taman laut di negara ini diiktiraf apabila ia menjadi rujukan negara-negara yang sedang menaiktaraf pengurusan sumber marin mereka termasuk Bangladesh, India, China dan Hong Kong," katanya.

Mohd Sallehhuddin berkata, menjadi hasrat kementerian untuk



Mohd Sallehhuddin menandatangani plak sebagai simbolik perasmian Sambutan Jubli Perak 25 tahun Taman Laut yang diadakan sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Pulau Tioman pada Sabtu lalu.

menjadikan pengurusan perikanan dan agro pelancongan di kawasan taman laut sebagai salah satu sumber ekonomi setempat.

Katanya, selain sebagai usaha melindungi khazanah laut negara, taman laut terbukti mampu mengubah langkap ekonomi setempat seperti yang berlaku di Pulau Tioman yang menerima kunjungan pelancong dari dalam dan luar negera mencecah 250,000 orang setahun.

Taman Laut Pulau Tioman merangkumi gugusan sembilan pulau

terdiri Pulau Tioman (pulau terbesar), Pulau Tulai, Pulau Labas, Pulau Seboi, Pulau Seri Buat, Pulau Tokong Bahara, Pulau Gut, Pulau Cebeh dan Pulau Sembilang terkenal dengan keindahan terumbu karang dan kepelbagaiannya ekosistem lautnya sehingga menjadi lokasi popular aktiviti snorkeling dan selaman skuuba.

Pemilihan Pulau Tioman sebagai lokasi Sambutan Jubli Perak 25 tahun Taman Laut kerana pulau yang mempunyai kira-kira 3,500 penduduk itu satu-satunya pulau

yang menerima pengiktirafan sebagai Kawasan Perlindungan Marin (MPA) Kategori 4: Flagship Regional Sites iaitu tahap paling tinggi dalam penilaian tersebut.

Mengulas berhubung usaha dijalankan dalam pengurusan taman laut, Mohd Sallehhuddin berkata, taman laut juga menjalankan kerjasama strategik dengan universiti tempatan dan badan bukan kerajaan dalam mengurus dan merancang penubuhan taman laut baharu.

"Melalui kerjasama itu dapat membantu pihak taman laut memantau tahap kesihatan terumbu karang. Tahun lalu, kita berjaya meningkatkan kesihatan terumbu karang pada tahap 26 hingga 50 peratus," katanya.

Pada masa sama, beliau turut berpuas hati dengan penglibatan orang awam dalam program taman laut yang disifatkan sangat membungkang.

Mengulas berkenaan hari bertemu pelanggan kementerian peringkat negeri yang diadakan di sini kelmarin, Mohd Sallehhuddin berkata, ia bertujuan memberi peluang kepada masyarakat khususnya penduduk Pulau Tioman dan kawasan sekitar berinteraksi dan mendapat informasi terkini berhubung perkhidmatan yang disediakan jabatan perikanan khususnya dan kementerian secara urumnya.